

23 NOV 1999

Ali Rustam-Hazizah

HAZIZAH AKAN DILANTIK JADI SENATOR, KATA ALI RUSTAM

MELAKA, 23 Nov (Bernama) -- Rasa tidak puashati di kalangan Wanita Umno terhadap pengguguran Datuk Hazizah Mohd Sultan daripada pencalonan kerusi parlimen Batu Berendam dijangka terubat dengan pelantikan beliau sebagai senator jika Barisan Nasional (BN) menang pilihan raya umum kali ini.

Hazizah akan mengambil alih kuota senator negeri yang kini dipegang Ramlah Abas, kata Timbalan Ketua Perhubungan Umno Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini.

Ramlah adalah seorang daripada dua senator di Melaka. Beliau akan bertanding sebagai calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim di dalam parlimen Jasin.

"Saya mendapati wanita sudah berpuas hati kerana nanti mereka akan mempunyai suara di Dewan Negara," kata Mohd Ali pada persidangan akhbar selepas merasmikan klinik Desa Kampung Padang di sini. Hazizah turut hadir pada persidangan akhbar itu.

Hazizah juga bersetuju untuk dilantik sebagai senator, katanya.

Mohd Ali berkata nama Hazizah terpaksa digugurkan bagi membuka ruang kepada Tun Ghafar Baba yang pada asalnya dicalonkan untuk kerusi parlimen Kuala Pilah.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpendapat elok kalau Ghafar bertanding di Melaka kerana beliau lebih dikenali sebagai anak Melaka dan kerusi yang sesuai ialah Batu Berendam. Ghafar juga tidak boleh dilantik sebagai senator kerana pernah dilantik dulu," katanya.

Mengenai pertandingan satu lawan satu antara BN dan pembangkang pada pilihan raya umum 29 Nov ini, Mohd Ali berkata beliau tidak menjangkakan satu persaingan yang sengit akan berlaku.

Beliau mendakwa semangat penyokong PAS dan DAP telah menurun dan anggota PAS terutamanya kecewa kerana diagihkan hanya satu daripada lima kerusi DUN di Batu Berendam walaupun telah lama bertapak di situ.

-- BERNAMA

AD AKD